

11/01/2002

Malaysia tawar tapak universiti Asean-Jepun

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Khamis - Malaysia hari ini menawarkan diri sebagai tapak penubuhan Universiti Asean-Jepun bagi menampung keperluan pembangunan sumber manusia rantau ini.

Tawaran Malaysia itu dibincangkan dalam pertemuan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatan dari Jepun, Junichiro Koizumi di sini hari ini. Pertemuan kedua-dua pemimpin itu kemudian diikuti perbincangan peringkat delegasi antara wakil kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Koizumi sangat berminat terhadap cadangan berkenaan dan menyatakan kesanggupan menyediakan pekerja terlatih dari negaranya sebagai pengajar di universiti itu.

Beliau berkata, Malaysia menyarankan universiti yang menumpukan kepada bidang teknikal dan teknologi maklumat (IT), juga melatih pelajar dari rantau lain selain Asean.

"Saya rasa pengalaman kita dalam Dasar Pandang ke Timur memberi kelebihan kepada hubungan Malaysia-Jepun. Kita juga masih mempunyai lebih 1,000 pelajar di Jepun tetapi kosnya mahal.

"Jadi jika dilakukan di negara seperti Malaysia, kita akan mendapat faedah dan mengurangkan kos," katanya selepas pertemuan itu.

Koizumi yang tiba dari Manila tengah hari tadi untuk lawatan sehari, dalam rangka kunjungan ke lima negara Asean. Beliau akan ke Bangkok, esok.

Penubuhan Universiti Asean-Jepun dicadangkan Dr Mahathir pada Sidang Kemuncak Asean di Brunei November lalu, yang turut dihadiri Koizumi. Cadangan itu sejajar dengan kerjasama pendidikan dan pembangunan sumber manusia seperti disarankan dalam mesyuarat Asean + 3 (Jepun, Korea Selatan dan China) ketika itu.

Syed Hamid berkata, Dr Mahathir dan Koizumi juga berbincang mengenai kerjasama dan hubungan dua hala serta isu serantau dan antarabangsa, termasuk soal keganasan.

"Mereka turut berbincang mengenai bantuan kewangan Jepun terutama dalam pemberian pinjaman yen selain hubungan Asean-Jepun dalam konteks Asia Timur dan bagaimana ia beriteraksi dengan rantau lain.

"Turut disentuh ialah persoalan mengenai globalisasi, soal keganasan, keadaan di Afghanistan dan Myanmar," katanya.

Mengenai isu keganasan, Syed Hamid berkata, kedua-dua Perdana Menteri juga sependapat bahawa sementara usaha menanganinya penting, inisiatif perlu bagi mencari punca keganasan berlaku supaya penyelesaian jangka panjang dapat dicari.

"Dr Mahathir turut menyentuh mengenai Palestin dan Jepun percaya persoalan Palestin perlu diselesaikan dalam usaha membawa keamanan serta mengurangkan rasa tidak puas hati atau ketidakadilan yang menggalakkan keganasan," katanya.

(END)